

Peserta Felo Perdana Diharap Jadi Jurucakap Tidak Rasmi Kerajaan - Najib Bernama
15 Julai, 2013

KUALA LUMPUR, 15 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mahu golongan muda yang menyertai program Felo Perdana menjadi jurucakap tidak rasmi kerajaan dengan menyebarkan maklumat mengenai program dan inisiatif kerajaan.

Beliau berkata program berprestij itu ialah usaha kerajaan untuk memupuk penglibatan strategik dengan orang muda yang mencerminkan kepercayaan kerajaan kepada generasi muda.

Katanya, golongan muda yang dekat dengan penggunaan media sosial dilihat mampu membantu kerajaan mendampingi golongan muda lain untuk mengetahui dan memahami dasar dan program yang dilaksanakan kerajaan.

"Gunakan media sosial dan tolong sebarkan apa yang baik dilakukan kerajaan, apa tujuan sesuatu dasar kerajaan dan apa juga yang tidak benar, sebab banyak juga karut marut dalam media sosial yang kita tahu tapi ada juga sesetengah orang termakan dengan hasutan melalui media sosial," katanya.

Najib berkata demikian dalam ucapannya sebelum menyerahkan 70 peserta Felo Perdana kepada menteri-menteri Kabinet di bangunan Parlimen Isnin.

Mengulas harapannya terhadap peserta berkenaan, Najib berkata: "Kita perlukan saudara saudari sekalian orang muda untuk terangkan sebab saudara saudari akan tahu apa yang berlaku dalam kerajaan.

"Mudah-mudahan dengan saudara saudari menjadi jurucakap tidak rasmi kerajaan ini, kita akan pupuk penglibatan dan kesalinghubungan dengan orang muda secara lebih kukuh dan berkesan."

Najib berkata program Felo Perdana yang dilaksanakan buat julung kalinya tahun ini adalah kaedah amat sesuai untuk memberi peluang keemasan kepada orang muda merasai pengalaman kerja dalam kehidupan sebenar di pejabat menteri.

Program itu juga, katanya, memberi peluang kepada kerajaan untuk mengasah bakat dalam kalangan orang muda sebagai persediaan menjadi pemimpin masa depan negara.

Menurutnya, pengalaman mengikuti program itu membolehkan peserta memahami apa sebenarnya dasar, program dan cabaran sebagai sebuah kerajaan yang dilihat mudah secara luarannya.

"Bila saya dapat peluang menjadi orang politik, mulakan kerjaya sebagai anggota Parlimen dan anggota pentadbiran, baru saya sedar bahawa untuk membuat perubahan tidak semudah apa yang kita sangkakan daripada luar.

"Namun ini bukan bererti bahawa perubahan tidak boleh berlaku. Perubahan pasti boleh berlaku dengan syarat kita mempunyai dasar, program, komitmen dan iltizam politik untuk lakukan perubahan yang diharapkan," kata Najib.

Peserta Felo Perdana terdiri daripada graduan lepasan institusi pengajian tinggi (IPT) terpilih dan penuntut yang sedang dalam pengajian di IPT dalam dan luar negara.

Jangka masa penempatan mentee bagi pelajar yang sedang melanjutkan pengajian adalah untuk tempoh enam minggu sehingga tiga bulan, dan tiga bulan hingga maksimum enam bulan bagi graduan yang baru menamatkan pengajian.

Program itu bertujuan memberi anak muda Malaysia yang cemerlang dan berbakat pengalaman secara langsung dalam urusan tadbir negara menggunakan pendekatan yang mempunyai persamaan dengan 'The White House Fellows Programme'.

Sementara itu, Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin berkata sekretariat program tersebut menerima lebih 600 permohonan untuk menyertai Felo Perdana sebelum 70 dipilih selepas saringan dibuat berdasarkan syarat yang ditetapkan.

"Kita menerima permohonan yang agak luar biasa dari segi kelayakan, kemahiran dan pengetahuan peserta.

"Selain CV (ringkasan karier dan kelulusan seseorang) dan temu bual, kita minta mereka menulis esei tidak lebih 500 perkataan mengenai dasar kerajaan dan cadangan untuk tambah baik. Penulisan esei ini jadi penentu kepada pemilihan peserta Felo ini," katanya.

Beliau berkata sebelum ditempatkan di pejabat mentor, semua peserta perlu mengikuti sesi orientasi yang dikendalikan Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Razak School of Government dan Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di mana peserta dilengkapkan dengan maklumat berhubung proses pentadbiran dan pembuatan dasar negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=963399>